



المؤتمر الإقليمي حول جهود الأشاعرة والماطريدية في خدمة العقيدة الإسلامية

SEMINAR SERANTAU SUMBANGAN ULAMA ASHA'IRAH DAN MATORDIYYAH DALAM PEMANTAPAN AKIDAH ISLAMIAH

REGIONAL CONFERENCE ON CONTRIBUTION OF ASHA'IRAH AND MATORDIYYAH TOWARDS STRENGTHENING ISLAMIC FAITH

TEMA:

KE ARAH PENGUKUHAN AKIDAH ISLAMIAH

THEME:

TOWARDS STRENGTHENING ISLAMIC FAITH

ANJURAN / ORGANIZED BY

**FAKULTI USULUDDIN
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

2015M / 1436H

Diterbitkan di Negara Brunei Darussalam oleh:
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu, Gadong BE 1310
Negara Brunei Darussalam
Tel : +673 2462000
Faks : +673 2462233
<http://www.unissa.edu.bn>

Hakcipta © Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). 2015.

Hakcipta terpelihara. Kandungan prosiding yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik dan susunannya serta bahan-bahannya ialah kepunyaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali kecuali dinyatakan sebaliknya. Tiada mana-mana bahagian prosiding ini boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual atau diuruskan bagi tujuan komersil dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Segala fakta dan pandangan di dalam kertas kerja adalah tanggungjawab pengarang sendiri. Pihak Universiti Sultan Sharif Ali tidak bertanggungjawab atas apa-apa interpretasi dan pandangan kertas kerja yang dimuatkan di dalam prosiding ini.


Published in Negara Brunei Darussalam by:
RESEARCH AND PUBLICATION CENTRE,
Sultan Sharif Ali Islamic University.
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu, Gadong BE 1310
Negara Brunei Darussalam
Tel : +673 2462000
Faks : +673 2462233
<http://www.unissa.edu.bn>

Copyright © Research and Publication Centre, Sultan Sharif Ali Islamic University. 2015.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopy, recording or otherwise, without the prior permission of the copyright owner.

The responsibility for facts and opinions expressed in this publication rests solely with the authors. Their opinions and interpretations do not necessarily reflect those of the Sultan Sharif Ali Islamic University.

ISBN
978-99917-65-16-7



SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	i-iii
PRAKATA	iv

KERTAS PERDANA SEMINAR SERANTAU SUMBANGAN ULAMA ASHA'IRAH DAN MATURIDIYYAH DALAM PEMANTAPAN AKIDAH ISLAMIAH

PEMBAHARUAN METODE KAJIAN AQIDAH ISLAM DALAM MAZHAB AHLUSSUNNAH WALJAMA'AH

*Prof. Dato Dr. Sayyid Muhammad Aqiel Bin Ali Al-Mahdaly Al-Husainy
Kolej Universiti Insaniah Kedah Darul Aman, Malaysia*

KULIAH UMUM SEMINAR SERANTAU SUMBANGAN ULAMA ASHA'IRAH DAN MATURIDIYYAH DALAM PEMANTAPAN AKIDAH ISLAMIAH

- | | |
|---|-------|
| 1. PENDEKATAN AKIDAH AHLI SUNNAH WALJAMA'AH DI BRUNEI DARUSSALAM DAN CABARAN MUTAKHIR
<i>Norarfan Zainal</i>
<i>Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam</i> | 17-38 |
| 2. SYAJARATUL 'ILMI SEBAGAI ASAS KETULENAN KEFAHAMAN AHLI SUNNAH WALJAMA'AH
<i>Syamsul Bahri Andi Galigo</i>
<i>Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei Darussalam</i> | 39-52 |
| 3. SUMBANGAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA DATO SERI UTAMA (DR) HAJI ISMAIL OMAR ABDUL AZIZ DALAM MENEGAKKAN AQIDAH AHLI SUNNAH WA AL-JAMA'AH MELALUI FATWA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
<i>Rasinah Ahim</i>
<i>Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam</i> | 53-78 |

**KERTAS KERJA PEMBENTANGAN SEMINAR SERANTAU SUMBANGAN ULAMA
ASHA'IRAH DAN MATURIDIYYAH DALAM PEMANTAPAN AKIDAH ISLAMIAH**

- 1. PEMIKIRAN PEMBANGUNAN INSAN ABDUL KARIM AL-QUSYAIRY : 79-94
KAJIAN TERHADAP KITAB AL-RISALAH AL-QUSYAIRIYYAH: SATU
ANALISA AWAL.**
Safiah Abd Razak
Universiti Malaya, Malaysia
- 2. PENGGUNAAN KIAS (AL-QIYĀS) UNTUK PENGAJARAN AKIDAH: SATU
ANALISIS TERHADAP PANDANGAN ABŪ ḤANĪFAH DALAM AL-ĀLIM
WA AL-MUTA'ALLIM 95-114**
Mohd Anuar Mamat
Universiti Malaya, Malaysia
- 3. ASHA'IRAH SEBAGAI RUJUKAN DALAM FATWA SYIAH DI MALAYSIA 115-128**
Mohd Fauzi Hamat
Universiti Malaya, Malaysia
- 4. PERBAHASAN BAIK DAN BURUK (AL-HUSN WA AL-QUBH) MENURUT
ASHA'IRAH DAN KERELEVENANNYA DALAM MENDEPANI FAHAM
NIHILISME 129-148**
Mohd Khairul Naim bin Che Nordin
Universiti Malaya, Malaysia
- 5. AF'AL AL-'IBAD DALAM KITAB JAWI 149-164**
Engku Ahmad Zaki Engku Alwi
Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu Malaysia

Wan Rosli Wan Hasan
Terengganu, Malaysia
- 6. AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH DALAM KARYA AKIDAH ULAMA
MELAYU: TINJAUAN KARYA SHEIKH ZAINAL ABIDIN AL-FATANI 165-174**
Faizuri bin Abd Latif
Universiti Malaya, Malaysia

7. WACANA TAFWID DAN TA'WIL DALAM PEMIKIRAN AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH	175-194
<i>Mohd Hamidi Ismail</i> <i>Universiti Malaya, Malaysia</i>	
8. PENJELASAN ULAMA AHLI SUNAH TERHADAP ILMU KALAM YANG DICELA OLEH IMAM SYAFIE	195-208
<i>Ahmad Baha Bin Mokhtar</i> <i>Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam</i>	
<i>Abdul Muthalif Afuwardeen</i> <i>Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam</i>	
<i>Ahmad Najaa' Bin Mokhtar</i> <i>Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia</i>	
9. MANHAJ TAFSIRAN AYAT SIFAT DALAM MUSHAF BRUNEI DARUSSALAM DAN TERJEMAHANNYA	209-222
<i>Sarinah Yahya</i> <i>Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam</i>	
10. THE ETHICS OF SCIENCE ON ASH'ARITE THEOLOGY: TOWARDS STRENGHTENING ISLAMIC FAITH	223-238
<i>Shohibuddin Hj Laming</i> <i>Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam</i>	
11. IMĀM FAKHR AL-DĪN AL-RĀZĪ: MODEL FOR THE MODERN SCIENCE SCHOLARS	239-244
<i>Mohammad Hilmy Baihaqy</i> <i>Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei Darussalam</i>	
<i>Sayyed Abdul Hamid Al-Mahdaly</i> <i>Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam</i>	

ASHA'IRAH SEBAGAI RUJUKAN DALAM FATWA SYIAH DI MALAYSIA

Oleh:
Mohd Fauzi Hamat¹

ABSTRAK

Makalah ini akan membincangkan mazhab Asha`irah sebagai asas rujukan dalam fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Agama di Malaysia tentang Syiah. Kertas ini akan menganalisis matan fatwa tentang Syiah yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan pihak berkuasa agama di beberapa buah negeri di Malaysia dengan tumpuan diberikan terhadap isu-isu utama akidah yang menjadi pegangan Syiah, khususnya Syiah Ithna Asyariyyah. Tinjauan dan penelitian secara cermat akan dibuat terhadap asas pegangan Syiah khususnya yang melibatkan isu al-imamah dan persoalan di sekitarnya dan beberapa isu yang disentuh dalam sighah atau matan fatwa dikaji bagi maksud memperkuatkannya hujah bahawa fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh pihak-pihak tersebut yang tentunya merujuk kepada mazhab Asha`irah dalam menilai fikrah-fikrah tersebut adalah fatwa yang berasaskan hujah-hujah yang kuat dan boleh dipertahankan. Bagi maksud ini, penulis akan mengemukakan beberapa rujukan karya al-Asha`irah yang dijadikan asas rujukan fatwa yang dikaji. Makalah merumuskan bahawa rujukan fatwa kepada pandangan mazhab al-Asha`irah adalah tepat bagi menangani ancaman Syiah di rantau ini sepanjang zaman, khususnya di Malaysia.

PENDAHULUAN

Syiah adalah satu aliran mazhab dalam pemikiran Islam yang membawa beberapa fahaman dikenalpasti bercanggah dengan akidah Islamiah. Aliran pemikiran ini turut berkembang di alam Melayu, khususnya di Malaysia sejak sekian lama. Ia dimarakkan lagi setelah berlakunya revolusi Islam di Iran di bawah pimpinan Ayatullah Khumaini pada tahun 1979. Pengembangannya ke Malaysia, khususnya Syiah Ithna Asyariyyah turut disambut oleh segelintir umat Melayu beragama Islam dengan hujah yang pelbagai, antaranya ialah Syiah adalah mazhab pertama yang datang ke Tanah Melayu, manakala aliran al-Asha`irah adalah mazhab yang menyusul selepasnya. Pihak berkuasa agama di Malaysia telah mengambil pelbagai langkah bagi membendung penyebaran fahaman ini di Malaysia menerusi pelbagai kaedah, antaranya menerusi langkah pencegahan menerusi pengeluaran fatwa-fatwa berkaitan Syiah di peringkat kebangsaan dan di negeri-negeri di Malaysia serta pewartaannya. Kertas ini akan mengemukakan sorotan ringkas beberapa *sighah* fatwa-fatwa Syiah di Malaysia melibatkan penyelewengan Syiah dari aspek aspek akidah dan analisis penulis terhadap rujukan mazhab al-Asha`irah dalam pengeluaran fatwa-fatwa tersebut.

¹ Profesor Madya Dr di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

SIGHAH FATWA BERKAITAN AKIDAH

Dalam Portal Rasmi Fatwa Malaysia, dinyatakan bahawa Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 May 1996 menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak. Muzakarah juga bersetuju agar ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan hukum syarak dan undang-undang Islam dan demikian penyebaran apa –apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang. Selain itu, muzakarah juga bersetuju supaya keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa yang telah diadakan pada 24 dan 25 September 1984 [Kertas Bil. 2/8/84, Perkara 4.2. (2)] mengenai aliran Syiah yang menetapkan seperti berikut, “setelah berbincang dan menimbang kertas kerja ini Jawatankuasa telah mengambil keputusan bahawa hanya mazhab Syiah dari golongan al- Zaidiyah dan Jaafariah sahaja yang diterima untuk diamalkan di Malaysia” dimansuhkan². Berdasarkan kenyataan ini, semua mazhab Syiah tidak diterima sebagai pegangan yang tidak bercanggah dengan mazhab Ahlu Sunnah Wal Jama’ah.

Pemansuhan mazhab Zaidiyah dalam Syiah ini pada penulis lebih bersifat *sadd al-zari’ah* bagi menutup ruang adanya kecenderungan memanipulasi fatwa ini bagi maksud penyebaran mazhab Syiah melampau lain, khususnya Syiah Ithna ‘Ashariyyah di Malaysia atas alasan bukan semua Syiah adalah perlu ditolak dan Syiah yang perlu ditolak hanyalah Syiah yang melampau sahaja, sama juga seperti ajaran-ajaran sesat yang muncul dalam komuniti Ahl al-sunnah wal Jama’ah. Fatwa awal yang mengiktiraf mazhab al-Zaidiyah sebagai mazhab yang diterima didasarkan kepada pandangan pengasas mazhab tersebut iaitu Zaid bin Ali yang walaupun melebih Ali bin Abi Talib berbanding dengan Abu Bakar al-Siddiq dan Umar al-Khattab, namun dia boleh menerima pelantikan Abu Bakar dan Umar sebagai khalifah. Beliau juga menolak celaan kepada Abu Bakar al-Siddiq dan Umar al-Khattab³. Pada hemat penulis juga, pemansuhan ini ada asasnya kerana dalam kalangan al-Zaidiyah juga terdapat aliran seperti al-al-Jarudiyyah, suatu aliran yang dinisbahkan kepada Abi al-Jarud yang mendakwa bahawa nabi (*s.a.w.*) telah menaskan Ali bin Abi Talib secara penyifatan, bukan secara penamaan sebagai khalifah. Maka dia adalah imam selepas baginda SAW, dan manusia menjadi sesat dan kufur apabila mereka tidak mengikuti dan mematuhi selepas kewafatan Rasulullah (*s.a.w.*), kemudian Ali disusuli oleh Hasan, dan kemudiannya Husain⁴. Ertinya fikrah-fikrah yang bercanggah dengan mazhab al-Asha’irah, sebagaimana yang akan dihuraikan selanjutnya juga muncul dalam satu satu aliran Syiah al-Zaidiyyah.

Muzakarah juga menyokong dan menerima cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri – Negeri bagi

² E-Fatwa, Portal Rasmi Fatwa di Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/syiah-di-malaysia>, diakses 13hb April, 2015.

³ Al-Ash’ari, *Maqalat al-islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*, tahqiq Muhammad Mahyu al-Din ‘Abd al-hamid, j.1, Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, 1950, h. 129-130.

⁴ *Ibid*, h. 133.

memperuntukkan dengan nyata bahawa agama bagi Persekutuan dan Negeri – Negeri hendaklah agama Islam berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak, memperuntukkan pindaan kepada semua Undang – Undang Negeri dan Hukum Syarak bagi menyelaraskan takrif hukum Syarak atas Undang- Undang Islam seperti berikut, “ Hukum Syarak atau Undang – Undang Islam ertinya Undang – Undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlaq. Oleh itu Muzakarah menetapkan bahawa semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada undang – undang Islam Hukum Syarak yang berasaskan pegangan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah sahaja. Sebarang penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa- apa buku, risalah , filem, video dan lain – lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah diharamkan⁵. Fatwa ini telah diikuti oleh negeri-negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak, cuma dari segi pewartaan, ada negeri yang tidak mewartakannya ataupun lewat mewartakannya susulan daripada keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan tersebut.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka membuat keputusan yang sama dengan di atas pada 16hb Julai 1997 yang diwartakan pada 24hb Julai 1997. Fatwa ini turut menerangkan hujah-hujah yang terfokus kepada isu-isu akidah, sebagaimana yang dinyatakan dalam sighah fatwa di negeri tersebut yang menjelaskan bahawa fahaman Syi`ah adalah satu fahaman yang mempunyai perbezaan-perbezaan pokok dengan mazhab Sunni (Ahlus Sunnah Wal Jama'ah) yang diikuti oleh umat Islam di negara ini. Antara fahaman yang jelas bertentangan ialah⁶ :

- Syi'ah menolak hadith yang tidak diriwayatkan oleh Ahlu Bait, sedangkan ahlu Sunnah wal Jama'ah tidak membezakannya asal saja hadith tersebut memenuhi syarat ilmu mustalah hadith.
- Syiah melihat "imam" itu sebagai ma'sum, sedangkan Ahlus Sunnah wal Jama'ah melihatnya sebagai manusia biasa yang tidak terlepas daripada berbuat kesalahan/dosa.
- Syiah tidak mengakui Ijma' tanpa adanya "Imam", sedangkan Ahlus Sunnah wal Jama'ah mengakui Ijma' tanpa mensyaratkan adanya "Imam".
- Syi'ah pada umumnya tidak mengakui kekhilifahan Abu Bakr al-Siddiq, Umar al-Khattab dan Uthman al-'Affan sedangkan Ahlus Sunnah mengakui keempat-empat Khulafa' Rasyidin.

Fatwa ini yang hampir sama juga dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman pada 17hb. Januari 1998 yang diwartakan pada 18hb Februari, 1999⁷, tanpa menjelaskan sebab-sebab pengharaman Syiah dari aspek akidah secara jelas, sebagaimana di atas. Manakala Negeri Sembilan pula mewartakan fatwa Syiah pada 27hb Februari, 1998 dengan penegasan bahawa umat Islam di Negeri Sembilan hendaklah mengikut undang-undang Islam dan ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah dari segi aqidah, syariah dan akhlak, juga

⁵ *Ibid.*

⁶ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/wajib-berpegang-dengan-aqidah-ahli-sunnah-wal-jamaah-ke-arah-membendung-pengaruh-syiah->, diakses 13hb April 2015.

⁷ *Ibid*, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/membendung-pengaruh-syiah-di-malaysia-2>, diakses pada 13hb April 2015.

diperakukan bahawa ajaran Islam selain pegangan Ahli Sunnah Wal Jama‘ah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan dengan yang demikian penyebaran apa-apa ajaran lain selain pegangan Ahli Sunnah Wal Jama‘ah adalah dilarang.

Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang juga mengeluarkan fatwa yang diwartakan pada 16hb Januari, 1997 bahawa ajaran fahaman Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jama‘ah dan menjadi ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan agama, perpaduan bangsa dan keamanan negara. Fahaman dan ajaran ini perlu disekat keseluruhananya dari dikembang di Negeri Pulau Pinang berdasarkan beberapa percanggahan yang terdapat dalam fahaman tersebut sama ada dari sudut akidah, syariah dan lain-lain. Antara penyelewengan dari sudut akidah yang dikenalpasti adalah; (1), khalifah diwasiatkan secara nas (Sila rujuk kitab *Aqa`id al-Imamiyyah* oleh Sheikh Muhammad Redha al-Muzaffar, halaman 78), (2), imam adalah maksum (Sila rujuk *al-Syiah Fi al-Mizan* oleh Muhammad Jawad al-Mughniah, halaman 38), (3), *al-bada*, iaitu ilmu Allah berubah-ubah mengikut sesuatu peristiwa yang berlaku kepada manusia ((Sila rujuk kitab *al-Usul min al-Kafi* oleh al-Kulaini, Juzu’ 1 halaman 146), (4), kemunculan semula Imam Mahdi dan kumpulan orang yang telah mati untuk memberikan keadilan (*al-raj`ah*),(5), berpura-pura (*al-taqiyyah*) (Sila rujuk kitab *al-Usul min al-Kafi*, Juzu’ 2 oleh Abu Ja‘afar Muhammad Bin Ya’kub Bin Ishak al-Kulaini al-Razi, halaman 217), (6) Muhammad bin Hassan al-Askari ialah Imam Mahdi al-Muntazar (Sila rujuk kitab *al-Syi`ah wa al-Tashih al-Sira’ baina al-Syi`ah Wa-Tasyayyu’* oleh Dr. Musa al-Musawi, halaman 61), (7) Saidina Ali disamatatarafkan dengan Allah (Sila rujuk kitab *al-Usul Min al-Kafi* oleh al-Kulani, jilid 1 halaman 197), (8) Mengkafirkan para Sahabat Rasulullah (s.a.w.) (Sila rujuk kitab *al-Anwar al-Nu’miah* oleh Syed Nikmatullah al-Musawi, halaman 81), (8) Menghalalkan nikah muta‘ah (Sila rujuk kitab *Man La Yahduruhu al-Faqih* oleh Abu Ja‘far Muhammad bin Ali bin Hussain Babawaih al-Qummi, juzu’ 1, halaman 358)⁸.

Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sarawak juga telah memutuskan secara sebulat suara pada 23hb. November 1996 bahawa semua mazhab Syiah dari golongan apapun tidak boleh diterima untuk diamalkan oleh orang Islam di Sarawak. Umat Islam di Sarawak hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak. Walau bagaimanapun, keputusan ini tidak diwartakan. Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan juga pada 15hb Januari, 1997 bersetuju menerima keputusan muzakarah khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia pada 3 Mei 1996, sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini dengan menetapkan bahawa penerbitan, penyebaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem video dan lain-lain yang berkaitan dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal-Jama‘ah adalah diharamkan. Keputusan di atas telah diwartakan pada 30 Jan 1997.⁹

Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu juga telah membuat keputusan yang serupa pada 2 Sep, 1997 yang menegaskan bahawa umat Islam di negeri Terengganu hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berdasarkan pegangan Ahli

⁸ E-Fatwa, Portal Rasmi Fatwa di Malaysia.

⁹ Nombor Rujukan: JAWI/A/145; PN. (PU²)530/II, Akta/Enakmen: Seksyen 34 – Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah – Wilayah Persekutuan) 1993.

Sunnah Wal Jama'ah dari segi akidah, syariah dan akhlak. Manakala Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor juga telah membuat fatwa serupa pada 14 Feb, 1998 yang diwartakan pada 17 Oktober 2013 dengan menegaskan bahawa fahaman dan ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar menurut pandangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah kerana mengandungi elemen-elemen, antaranya ialah seperti berikut:

- a. Mempercayai bahawa Imam adalah Maksum;
- b. Mempercayai kemunculan Muhammad bin Hassan Al-Askari sebagai Imam Mahdi bersama kumpulan orang yang telah mati untuk memberi keadilan;
- c. Mempercayai hanya Sayyidina Ali sahaja yang menghimpun al-Quran dengan sempurna dan menolak al-Quran yang disusun oleh para sahabat Nabi serta mempercayai bahawa al-Quran yang sebenar mengandungi tujuh belas ribu ayat kerana berlakunya penyelewengan melalui pengurangan atau penambahan ayat-ayat al-Quran;
- d. Mengamalkan prinsip Al-Taqiyyah iaitu menyembunyikan hakikat akidah, kepercayaan dan amalan yang menjadi pegangan serta perbuatan yang ingin dilakukan;
- e. Sayyidina Ali disamatarafkan dengan Allah (*s.w.t.*)¹⁰.

Jama'ah 'Ulama Kelantan juga pada 26 Aug, 1996 bersetuju dengan keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan tentang Syiah ini dengan menetapkan bahawa umat Islam di Kelantan hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak. Ini adalah kerana ajaran Syiah jelas menyeleweng dari segi akidah, syariah dan akhlak. Penyelewengan dari segi akidah adalah seperti berikut; (a) Muhamad bin Ya'akob al-Kulaini meriwayatkan dalam *Usul Kafi* dari Abi Abdullah kata beliau, "sesungguhnya dunia dan akhirat adalah kepunyaan Imam. Dia boleh meletakkannya di mana dikehendakinya dan memberikan kepada sesiapa yang dikehendakinya. Ini adalah satu kebenaran dari pihak Allah kepadanya (*al-Kafi*, jilid1, halaman 409). Mereka menyatakan bahawa dunia ini semuanya kepunyaan Imam, sedangkan Allah berfirman di dalam al Quran: (إن الأرض يورثها من يشاء من عباده)، al-A`raf, ayat 128 yang bermaksud: "Sesungguhnya bumi ini kepunyaan Allah diberikan kepada sesiapa yang dikehendakinya dari kalangan hamba-hambanya".

Allah berfirman lagi: (لَهُ مِلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ), (al-Hadid, ayat 2) yang bermaksud: "kepunyaanNyalah kerajaan langit dan bumi.", (b) Imam adalah pangkat tertinggi bahkan menjadi salah satu rukun iman;(c) Imam adalah maksum, tidak melakukan sebarang dosa-dosa, baik dosa kecil atau dosa besar; (d) Imam masih mendapat wahu dari Tuhan dan mewarisi pangkat nabi; dan (e) Mempertikaikan kesempurnaan al-Quran¹¹.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor pada 9hb Januari 2012 menegaskan secara jelas fatwa yang dibuat tentang Syiah adalah berdasarkan mazhab al-Asha'irah,

¹⁰ Nombor Rujukan: Jil. 66 No. 21, Akta/Enakmen: Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

¹¹ Nombor Rujukan: (MAIK. D231/707/(52), Akta/Enakmen: No 1 .Jil.50.

sebagaimana yang dapat dilihat berdasarkan sifah fatwa berikut, (a) Adalah ditetapkan bahawa umat Islam di Negeri Johor hendaklah mengikut undang-undang dan ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama‘ah dari segi aqidah berpandukan mazhab al-Asha‘irah dan al-Maturidiah, Syariah berpandukan mazhab Syafi‘e. Walaubagaimanapun tiga mazhab yang mu‘tabar iaitu Hanafi, Maliki dan Hanbali boleh dirujuk dan digunakan dalam menyelesaikan masalah-masalah tertentu dan dari segi akhlak hendaklah berpegang dengan akhlak Islamiyyah; (b) Bahawa Fahaman dan Ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahlis Sunnah Wal Jama‘ah yang boleh menjadi ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan agama, perpaduan bangsa dan keamanan Negara, (c) Fahaman dan ajaran ini perlu disekat keseluruhannya dari berkembang di Negeri Johor Darul Ta‘zim berdasarkan terdapat beberapa pencanggahan di dalam fahaman tersebut sama ada dari sudut aqidah, syariah dan akhlaq¹².

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak pula memutuskan pada 4hb Januari, 2012¹³ bahawa ajaran dan fahaman Syiah didapati bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi teras pegangan masyarakat Islam di Perak berdasarkan kepercayaan dan perbuatan seperti berikut:

- i. Menambah atau mengurangi lafaz dan kandungan syahadah yang berlainan daripada lafaz dan syahadah yang menjadi pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- ii. Mentaati Imam-Imam dan mempercayai mereka sebagai maksum serta mempunyai sifat-sifat dan kelebihan yang luar biasa;
- iii. Mempercayai bahawa berlakunya penyelewengan (*tahrif*) sama ada pengurangan atau penambahan di dalam al-Quran serta mempercayai bahawa al-Quran mengandungi tujuh belas ribu ayat;
- iv. Menolak hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat Rasulullah (*s.a.w.*) dan hanya menerima hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para Imam 12;
- v. Mencerca dan menghina para sahabat yang diredayai oleh Allah (*s.w.t.*) dan para isteri Rasulullah (*s.a.w.*) dengan menuduh mereka sebagai pembohong, pengkhianat dan murtad;
- vi. Mempercayai *al-Raj‘ah* iaitu Allah (*s.w.t.*) akan menghidupkan semula orang yang telah mati ke dunia sebelum berlakunya Qiamat bersama-sama Imam Mahadi;
- vii. Mengamalkan *al-Taqiyyah* iaitu menyembunyikan hakikat aqidah, pendapat yang menjadi pegangan dan amal perbuatan yang ingin dilakukan;

¹² Fatwa ini diwartakan pada 16 Feb, 2012, Nombor Rujukan: Jil. 56 No. 4, Akta/Enakmen: Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor) 2003.

¹³ Fatwa ini diwartakan pada 1 Mar, 2012, Nombor Rujukan: Jil. 65 No. 364, Akta/Enakmen: Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

- viii. Mengamalkan nikah Mut'ah;
- ix. Mempercayai amalan menziarah maqam Saidina Ali KW akan memperolehi ganjaran Syurga; dan
- x. Melakukan upacara memukul dan menyeksa tubuh sempena 10 Muharam.

Demikian dibentang beberapa fatwa tentang Syiah yang dibuat oleh pihak Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan diikuti oleh Jawatankuasa fatwa Negeri-Negeri di Malaysia. Sebahagiannya menjelaskan faktor-faktor penyelewengan dari aspek akidah berdasarkan beberapa aspek yang sama dan ada yang berbeza. Persamaan nampaknya masih lagi dalam isu *al-imamah* yang menjadi asas kemunculan aliran mazhab Syiah itu sendiri. Menurut Abu Zuhrah, dasar pemikiran golongan Syi'ah adalah konsep *al-imamah*¹⁴. Menurut Syiah, *al-imamah* itu bukan suatu perkara yang menjadi maslahah ummah yang diserahkan pemilihannya kepada ummah, bahkan ia merupakan rukun agama dan pasak kepada Islam. Ia tidak harus dilalaikan oleh Rasulullah dan tidak harus ditinggalkan penentuannya kepada pemilihan yang dilakukan oleh ummah sendiri. Bahkan Rasulullah wajib menentukan imam-imam pengganti kepada umat Islam dan imam-imam tersebut adalah maksum daripada dosa kecil dan besar. Selain itu, muncul daripada itu juga fahaman yang menjadi dasar pemikiran mereka iaitu konsep *al-wasiyyah* di mana berdasarkan konsep ini, mereka mendakwa Sayyidina 'Ali adalah khalifah yang sebenar disebabkan beliau telah diwasiatkan oleh Rasulullah (*s.a.w.*) untuk menjadi khalifah¹⁵. Ibn Khaldun juga telah merumuskan beberapa dasar pemikiran Syiah, antara lain adalah *al-imamah* di mana ia merupakan suatu kewajipan yang perlu ditentukan oleh Rasulullah ke atas umat Islam. Ia merupakan rukun agama dan bukan berkait dengan maslahah ummah yang boleh ditentukan sendiri oleh ummah. Imam ini menurutnya juga mestilah maksum daripada melakukan dosa kecil dan besar. Mereka juga percaya bahawa Sayyidina 'Ali merupakan imam yang telah dinaskan oleh Rasulullah, yang akan memimpin ummah selepas kewafatan baginda dan beliau merupakan sahabat yang paling afdal¹⁶.

RUJUKAN AL-ASHA'IRAH DALAM FATWA SYIAH

Berdasarkan paparan beberapa sifah fatwa di atas, ternyata bahawa ada beberapa isu akidah yang dibangkitkan dalam fatwa-fatwa Syiah selain daripada isu-isu syariah dan akhlak yang tidak akan disentuh dalam kertas ini. Apabila dianalisis fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh negeri-negeri yang kebanyakannya telah diwartakan, ternyata terdapat isu-isu akidah yang sama dikenaplasti sebagai asas penyelewengan Syiah dari aspek akidah, iaitu berkisar tentang persoalan *imamah* yang menjadi asas kemunculan aliran Syiah secara umumnya. Isu ini telah dijelaskan oleh tokoh-tokoh al-Asha'irah tersohor seperti al-Ash'ari, al-Ghazali dan lain-lain

¹⁴ Muhammad Abu Zuhrah, *Tarikh al-Jadal*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1980, h. 119; Ibn Khaldun 'Abd al-Rahman b. Muhammad b. Khaldun, *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Beirut: Dar al-Jayl, t.t., h. 217..

¹⁵ Mahmud Salim 'Ubaydat, *Tarikh al-Firaq wa 'Aqa'iduha*, t.t.p: Dar al-Furqan, 1998, h.

¹⁶ Ibn Khaldun, *Muqadimah*, h. 217.

lagi. Isu-isu baru tidak banyak dihuraikan karya-karya ulama al-Asha'irah silam seperti isu *al-bada'*, kemunculan Imam Mahdi, *al-raj'ah*, kedudukan imam Ali yang disama taraf dengan Allah dan lain-lain isu yang berkembang selepas kemunculan tokoh-tokoh besar al-Asha'irah. Isu-isu seperti *al-raj'ah*, kedudukan imam, *al-bada'* dan sebagainya adalah isu-isu terbitan atau cabangan daripada isu induk iaitu *al-imamah*. Apabila isu induk dapat ditangkis, maka isu-isu sampingan yang tidak ada sandaran kukuh daripada dalil-dalil yang boleh dipertahankan tentunya akan tertolak dengan sendirinya.

Meneliti fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh kebanyakan pihak berkuasa agama negeri-negeri di Malaysia mendapati bahawa rujukan memang dibuat terhadap mazhab al-Asha'irah dalam pengeluaran fatwa tersebut. Dalam isu *al-imamah* yang menjadi asas penolakan terhadap fahaman Syiah, didapati al-Imam Abu Hasan al-Ash'ari menolak pandangan yang menyokong keimaman Ali (*imamah 'Ali*) selepas Rasulullah (*s.a.w.*). Dalilnya mudah, iaitu terdapat tiga golongan manusia yang muncul selepas kewafatan Rasulullah (*s.a.w.*); pertama, golongan yang menyokong *imamah 'Ali*, kedua, golongan yang meyokong *imamah al-'Abbas* dan ketiga, golongan yang menyokong *imamah Abu Bakar al-Siddiq*. Apabila Ali dan al-'Abbas sendiri meyokong *imamah Abu Bakar al-Siddiq* dan patuh kepada arahannya, maka sahlah *imamah Abu Bakar al-Siddiq*. Kalaupun ada golongan yang bertawaqquh seketika pada peringkat awalnya untuk membai'ah Abu Bakar al-Siddiq, namun akhirnya mereka turut akur membai'ah Abu Bakar kemudiannya dan sanggup menuruti arahannya serta menyebutnya dengan panggilan "Wahai Khalifah Rasulullah (*s.a.w.*)". Apabila semua orang membai'ah dan patuh kepadanya, maka ia sudah menjadi ijmak ummah dan tidak mungkin ummah berijmak atas perkara yang salah¹⁷. Tidak harus ada yang mendakwa dari aspek batinnya atau yang tersembunyi dalam hati sanubari Ali dan al-'Abbas adalah lain daripada apa yang dizahirkannya. Ini kerana kalau harus hal seperti itu diambilkira, maka kita tidak harus memutuskan kesahihan sesuatu ijmak daripada ummah atas sesuatu perkara apapun kerana kita tidak dapat pastikan batin atau apa yang tersembunyi dalam benak hati sesetengah ummah yang berbeza dengan apa yang dizahirkannya. Apabila zahir ummah bersepakat atas perkara ini, dapat diketahui bahawa ijmak telah terjadi. Lantaran itu, kita tidak boleh mengambil kira dakwaan mereka yang mendakwa sebagaimana dakwaan sesetengah orang Khawarij bahawa apa yang tersembunyi dalam hati sanubari Ali berbeza dengan apa yang dizahirkannya. Oleh itu, semua ini membatalkan ijmak (sedangkan ijmak telah berlaku), maka wajib diputuskan bahawa imamah Abu Bakar adalah berdasarkan akad bai'ah terhadapnya daripada orang-orang Islam dan bai'ah Kaum Muhibbin, Kaum Ansar serta berdasarkan ijmak Kaum Muslimin pada zamannya terutama oleh Ali dan al-'Abbas sendiri yang turut berbai'ah dan mengakui keimamannya dan kedudukannya sebagai khalifah Rasulullah (*s.a.w.*). Apabila keimaman adalah terhenti kepada tiga individu sahabat ini sahaja menurut ijmak dan seluruh Kaum Muslimin telah berbai'ah kepadanya, termasuk Ali dan al-'Abbas, maka wajib Abu Bakar disabitkan sebagai imam yang ditaati¹⁸.

Wujudnya ijmak seperti ini pada zaman Abu Bakar al-Siddiq menunjukkan bahawa rosaklah dakwaan mereka yang mendakwa bahawa nabi (*s.a.w.*) telah

¹⁷ Al-Ash'ari, Abu al-Hasan, *al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Ziyagh wa al-Bida'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000, h. 83.

¹⁸ *Ibid*, h. 83-84.

menaskan *imamah* selain daripada Abu Bakar kerana tidak harus berlaku pembai`ahan orang lain sebagai imam selain daripada orang yang telah dinaskan oleh Rasul (*s.a.w.*). Dengan adanya ijmak ini juga, maka terbatal juga dakwaan mereka yang menyatakan bahawa nabi (*s.a.w.*) telah melantik Ali selepasnya sebagai imam. Dakwaan mereka yang mengatakan bahawa ada nas yang menyatakan bahawa Abu Bakar al-Siddiq adalah imam atau khalifah juga terbatal kerana Abu Bakar berkata kepada Umar (*r.a.*), “bukalah tangan engkau, aku akan bai`ahkan engkau (iaitu sebagai khalifah)” pada hari berhimpunnya umat Islam di Saqifah Bani Sai`idah. Kalaulah Rasulullah (*s.a.w.*) telah menaskan keimamannya, tidak harus ia berkata, “bukalah tangan engkau, aku akan bai`ahkan engkau (iaitu sebagai khalifah)”¹⁹.

Ummah juga telah berijmak bahawa pemilihan empat orang khalifah al-Rashidin yang dimulai dengan Abu Bakar sebagai khalifah pertama, kemudian 'Umar, kemudian 'Uthman dan diakhiri dengan 'Ali menunjukkan bahawa khilafah adalah urusan penting dalam Islam kerana ia menggantikan nabi (*s.a.w.*) dalam menjaga kemaslahan Kaum Muslimin dari sudut urusan ugama dan keduniaan. Keempat-keempat mereka adalah berlebih kurang antara satu sama lain dari segi kelebihan dan keistimewaan kerana *ahl al-hall wa al-'aqdi* daripada sahabat telah memilih mereka berdasarkan tertib susunan ini. Mereka memilih Abu Bakar walaupun ketiga-tiga yang lain ada, kemudian mereka memilih 'Umar walaupun 'Uthman dan Ali ada, dan akhirnya mereka memilih 'Uthman walaupun 'Ali ada. Ali dipilih walaupun ada ramai lagi sahabat yang lain, di mana mereka yang tidak taat kepada 'Ali adalah dianggap sebagai orang yang tidak taat kepada imam dan khalifah yang dilantik secara syar'i²⁰.

Keterangan di atas bukan sahaja menyanggah dakwaan bahawa Saidina Ali bin Abi Talib telah dinaskan menjadi khalifah, tetapi juga mengakui sumber ijmak sebagai sumber utama ajaran Islam selepas al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu fatwa Pulau Pinang yang menyebut penyelewengan ajaran Syiah dari aspek dakwaan Saidina Ali dinaskan oleh Rasulullah (*s.a.w.*) menjadi khalifah adalah jelas berdasarkan mazhab al-Asha'irah, begitu juga Fatwa Melaka yang menyebut penyelewengan Syiah dari aspek akidah berdasarkan penolakan mereka terhadap ijmak, melainkan ijmak yang disertai oleh imam mereka adalah berdasarkan rujukan kepada mazhab al-Asha'irah. Kaum Muslimin berijmak bahawa tiada nas atas pelantikan mana-mana imam atau individu sahabat, tiada yang maksum melainkan Rasulullah (*s.a.w.*), semua sahabat yang dijamin masuk syurga oleh Rasulullah (*s.a.w.*) adalah adil, yang maksum hanyalah Rasulullah (*s.a.w.*), hanya mashaf yang ada adalah kitab suci yang sempurna, tiada mashaf Fatimah dan nikah mut'ah adalah haram. Mereka juga berijmak mendahului Abu Bakar al-Siddiq berbanding dengan sahabat yang lain dalam pelantikan khalifah, kemudian Umar, kemudian 'Uthman, kemudian Ali. Semua sahabat tidak disangka telah melakukan khianat dalam agama Allah berkaitan hal ini untuk mencapai apa-apa tujuan keduniaan. Ijmak mereka menjadi seterang-terang petunjuk yang membuktikan bahawa para sahabat adalah berlebihan antara satu sama lain dari segi martabat. Sebab itu Ahl al-Sunnah beriktikad tentang hal ini. Memandangkan perkara-perkara yang diijmakkkan itu tidak diterima oleh Syiah kerana mereka menolak ijmak, maka penerimaan mereka terhadap fahaman yang dibawa mereka, sebagaimana yang dinyatakan

¹⁹ *Ibid*, 85.

²⁰ Nuh 'Ali Salman, Dr. *Al-Mukhtasar al-Mufid fi Jawharah al-Tawhid*, Kuala Lumpur: Al Bayan Corporation Sdn Bhd, 2004, h. 137.

tentunya bercanggah dengan mazhab al-Asha'irah yang mengiktiraf ijmak sebagai antara sumber utama ajaran Islam.

Dalam hal ini, al-Asha'irah berpendapat bahawa terdapat beberapa sebab yang relevan kenapa Abu Bakr dipilih sebagai khalifah pertama yang memimpin urusan umat Islam setelah kewafatan baginda (*s.a.w.*). Salah satu daripadanya adalah suruhan baginda supaya Sayyidina Abu Bakr mengimamkan solat kaum muslimin yang terdiri daripada kaum *al-Muhajirin* dan kaum *al-Ansar* dengan sabda baginda; “Kamu suruhlah Abu Bakar supaya beliau mengimamkan solat orang ramai [umat Islam] (مروا أبا بكر فليصل بالناس) ²¹. Rasulullah juga telah bersabda bahawa umat Islam akan diimamkan oleh orang yang paling banyak membaca al-Quran dalam kalangan mereka [iaitulah yang paling luas pengetahuannya tentang al-Quran] (يُؤمِّلُهُمْ الْقَوْمُ أَقْرَؤُهُمْ) ²² (كتاب). Menurut al-Asy'ari, ini merupakan dalil yang terkuat yang menunjukkan bahawa Sayyidina Abu Bakr merupakan sahabat yang paling afdal dan paling berhak menggalas jawatan sebagai khalifah ²³. Para sahabat juga telah menjadikan peristiwa ini sebagai dalil bagi melantik Sayyidina Abu Bakr sebagai Khalifah. Salah seorang daripada mereka adalah Sayyidina 'Umar al-Khattab ²⁴.

Selain itu, al-Suyuti telah meriwayatkan bahawa; ketika Hasan al-Basri membaca firman Allah ta'ala: يأيها الذين آمنوا من يرتد منكم عن دينه فسوف يأتي الله بقوم يحبهم [al-Maidah (05) : 54] beliau telah berkata bahawa kaum di dalam ayat tersebut merujuk kepada Abu Bakar dan para sahabat beliau. Ini kerana, tatkala murtadnya sebilangan umat Islam setelah kewafatan baginda Nabi Muhammad, Sayyidina Abu Bakar dan para sahabatnya telah berjaya menguasai mereka dan mengembalikan mereka kepada Islam ²⁵. al-Ash'ari juga telah meriwayatkan bahawa beliau mendengar Abu al-'Abbas b. Syuraih telah berkata bahawa, *khilafah al-siddiq* terkandung di dalam ayat tersebut. Ini kerana, menurutnya para ahli ilmu telah bersepakat bahawa tidak ada perperangan yang berlaku setelah turunnya ayat tersebut melainkan perperangan yang melibatkan Sayyidina Abu Bakar dan para sahabatnya menentang orang-orang yang murtad dan orang yang enggan mengeluarkan zakat ²⁶.

Dalam pada itu, ketika membahaskan dalil-dalil yang menunjukkan kelayakan Sayyidina Abu Bakr sebagai khalifah, al-Suyuti dan al-Amidi telah menyebutkan sebuah hadis berikut:

عن حذيفة رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : اقتدوا بالذين من بعدي أبو بكر و عمر.

Maksudnya: [Diriwayatkan] daripada Hudhaifah radiyallahu 'anhu beliau telah berkata: Rasulullah sallahu 'alayh wasallam telah bersabda: “Hendaklah kalian mengikut mereka berdua yang [hidup] setelahku, [iaitulah] Abu Bakar dan 'Umar” ²⁷.

²¹ al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman b. Abu Bakr, *Tarikh al-Khulafa'*, Suntingan Muhamad Muhy al-Din 'Abd al-Hamid, t.t.p: t.p., t.t., h. 62.

²² *Ibid.*, h. 63.

²³ *Ibid.*

²⁴ *Ibid.*, h. 65.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Hadis ini dinilai hasan oleh al-Tirmidhi dan dihukum saih oleh al-Hakim. Lihat, *Ibid.*, h. 61.

al-Tabrani telah mengeluarkan hadith ini menerusi riwayat Abu al-Darda', manakala al-Hakim pula telah mengeluarkan hadis ini menerusi riwayat Ibn Mas'ud²⁷. Hadis ini merupakan salah satu daripada lapan nas yang dikemukakan oleh al-Amidi di dalam *Ghayat al-Maram* dalam membuktikan keutamaan Sayyidina Abu Bakr dan kelayakan beliau menjadi khalifah umat Islam²⁸.

Isu penyelewengan akidah yang turut disentuh ialah kedudukan imam-imam Syiah yang bersifat maksum, sebagaimana yang diputuskan dalam fatwa Melaka, Selangor dan Pulau Pinang. Pandangan ini jelas merujuk kepada mazhab al-Asha'irah yang hanya mengiktiraf Rasulullah (*s.a.w.*) sahaja imam yang maksum. Imam al-Ghazali menulis karya khas bertajuk *al-Qistas al-Mustaqim* bagi menolak fikrah imam maksum yang dibawa oleh Syiah aliran Isma'iliah Ta'limiyah yang bergantung kepada imam maksum sebagai sumber makrifah. Menurut beliau, sesuatu fikrah perlu dinilai berdasarkan neraca ukuran yang lurus (*al-qistas al-mustaqim*) sesuai dengan saranan al-Quran, di mana *al-qistas al-mustaqim* ini dihuraikan oleh al-Ghazali berdasarkan lima neraca ukuran berfikir yang memanfaatkan penggunaan qias-qias mantik. Sesiapa yang menggunakan neraca ukuran berfikir tersebut, ia akan mendapat hidayah, manakala sesiapa yang berpaling daripadanya dia akan tersesat. Bagi beliau, guru pertama ialah Allah (*s.w.t.*), kemudian Jibril a.s. serta disusuli oleh guru yang ketiga iaitu Rasulullah (*s.a.w.*). Semua makhluk mempelajari ilmu daripada para Rasul (*a.s.*), di mana tiada jalan lain untuk mencapai makrifah melainkan menerusi mereka. Al-Quran adalah rujukan yang memadai berbanding dengan imam maksum²⁹.

al-Razi menyebut bahawa, golongan Syi'ah berkeyakinan bahawa imam-imam mereka maksum berdasarkan ayat ke 124 dalam Surah al-Baqarah yang menyatakan bahawa orang yang zalim tidak akan menjadi imam³⁰. Justeru, berdasarkan alasan ini, di sisi mereka, setiap orang yang melakukan dosa sama ada yang zahir mahupun yang batin, maka ia tidak layak untuk menjadi imam. Dakwaan

²⁷ Ibid.

²⁸ Rujuk al-Amidi, 'Ali b. Abi 'Ali b. Muhammad, *Ghayat al-Maram fi 'Ilm al-Kalam*, Suntingan Hasan Mahmud 'Abd al-Latif, Kaherah: al-Majlis al-A'ala li al-Syu'un al-Islamiyyah, 1971, h. 379-380.

²⁹ al-Ghazali, *al-Qistas al-Mustaqim*, tahlil Mahmud Biju, Damsyik: al-Matba'ah al-'Ilmiyyah, 1993, h. 14, 15 dan 55. Lihat juga huraihan lanjut al-Ghazali tentang penolakan beliau terhadap konsep 'ismah menurut Syiah dalam kitabnya yang lain, *Fada'ih al-Batiniiyah*. Lihat al-Ghazali, *Fada'ih al-Batiniiyah*, Kaherah: Dar al-Faruq li al-Istithmarat al-Thaqafiyyah, 2008, h. 168-170.

³⁰ Allah (*s.w.t.*) berfirman:

إِذْ أَبْتَلَ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا قَالَ وَمَنْ ذُرِّيَّتِي قَالَ لَا يَتَأْلَمُ

عَهْدِي الظَّلَمِينَ

Maksudnya:

"Dan (ingatlah), ketika Nabi Ibrahim diuji oleh Tuhanya dengan beberapa kalimah (suruhan dan larangan), maka Nabi Ibrahim pun menyempurnakannya. (setelah itu) Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku melantikmu menjadi Imam (pemimpin ikutan) bagi umat manusia". Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata: "(Ya Tuhanku!) Jadikanlah juga (apalah juaranya) dari keturunanku (pemimpin-pemimpin ikutan)". Allah berfirman: "(permohonanmu diterima, tetapi) janjiKu ini tidak akan didapati oleh orang-orang Yang zalim."

Surah al-Baqarah (02): 124

ini tertolak kerana menurut al-Razi ayat tersebut hanya menunjukkan bahawa syarat untuk menjadi imam, hendaklah imam tersebut tidak banyak bergelumbang dengan dosa (أَنْ شَرْطُ الْإِمَامِ أَنْ لَا يَكُونَ مُشْتَغِلًا بِالذَّنْبِ) dan ia sama sekali tidak mengandungi *dilalah* ke atas wajibnya maksum pada diri mereka³¹. Selain itu, sekiranya benar individu yang akan menggantikan Rasulullah mestilah maksum, maka mengapakah Sayyidina Abu Bakr berkata “taatlah aku selagi mana aku taat kepada Allah, sekiranya aku menderhakai Allah, maka tidak ada lagi ketaatan terhadapku”³². Maka cukuplah kenyataan ini sebagai dalil bahawa konsep ‘ismah ternafi daripada hak para imam. Oleh itu asas fatwa Melaka, Selangor, Perak yang menyentuh aspek ini jelas berdasarkan rujukan kepada mazhab al-Asha’irah.

Terdapat beberapa kepercayaan dan amalan Syiah yang muncul kemudian seperti amalan melaknat sahabat secara berlebihan, hatta mengkafirkhan mereka, menyeksa badan sempena 10 Muharram dan sebagainya bagi mengingati kematian saidina Husain. Menurut Abu Hanifah, asas akidah yang dianuti oleh golongan Syi’ah secara umum adalah menyesatkan para sahabat *radiyallahu `anhuma ajma`in*³³. Manakala menurut Ibn Hajar al-Haytami, Syi’ah al-Rafidah telah mengkafirkhan para sahabat disebabkan mereka telah menolak nas pengangkatan Sayyidina ‘Ali sebagai imam³⁴, namun dapat dirumuskan dengan jelas bahawa amalan ini bercanggah dengan mazhab al-Asha’irah kerana kita digalakkkan tidak membincangkan pertelingkahan dan perperangan yang berlaku antara mereka. Jalan yang lebih selamat ialah kita tidak membincangkannya secara mendalam, cukuplah kita mengasihi semua mereka dan mengikuti amalan-amalan yang baik daripada mereka sahaja dan kita kata sebagaimana yang dikatakan oleh orang yang alim lagi mulia, “demikian darah yang Allah bersihkan daripadanya daripada terkena pedang-pedang kita, Apakah kita tidak mahu bersihkan lidah-lidah kita daripadanya”. Nabi (*s.a.w.*) memberi peringatan agar kita tidak mengutuk para sahabatnya. Rasulullah (*s.a.w.*) menyebut, “Jangan kamu mengutuk sahabatku, kalau seorang daripada kalangan kamu menafkahkan sebesar bukit Uhud emas, ia tidak sama (dari segi pahala) dengan secupak atau setengah cupak sesuatu yang mereka nafkahkan pada jalan Allah³⁵. Al-Ghazali mengatakan bahawa umat Islam wajib mengingkari perkara yang tidak *thabit* pada hak para sahabat (*r.a.*) Menurutnya lagi, sepatutnya umat Islam perlulah bersangka baik terhadap mereka, kerana tersalah dalam menyangka baik terhadap seseorang muslim adalah lebih selamat/sejahtera daripada berada di pihak yang benar, namun mencerca dan mecela muslim tersebut³⁶. Berdasarkan fakta ini, fahaman-fahaman Syiah yang muncul kemudian seperti pengagungan secara berlebihan kepada Ali dan *ahl al-bayt* dengan mengeneplikan kelebihan sahabat yang lain sehingga munculnya penolakan terhadap hadis-hadis riwayat sahabat yang bukan daripada kalangan *ahl al-bayt* sebagaimana yang dinyatakan dalam fatwa Melaka dan Perak, penyamatarafan Ali dengan Allah (*s.w.t.*), sebagaimana yang dinyatakan

³¹ Dalam hal ini, al-Razi telah mengemukakan sekurang-kurangnya lima hujah dalam membatalkan dakwaan golongan Syi’ah berhubung kemaksuman imam-imam mereka tersebut. Lihat al-Razi, Muhammad b. ‘Umar b. al-Husayn, *al-Arba`in fi Usul al-Din*, j.2, Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah, 1986, h. 267-268.

³² al-Baqillani, Abu Bakr Muhammad al-Tayyib, *Tamhid al-Awa'il wa Talkhis al-Dala'il*, c. 1, Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiyyah, 1987, h. 476.

³³ Perkatan Abu Hanifah tersebut telah diriwayatkan oleh al-Baihaqi, kemudian dinukilkhan oleh Ibn Hajar al-Haytami di dalam kitab beliau. Rujuk al-Haytami, *al-Sawa`iq al-Muhriqah fi al-Radd `ala Ahl al-Bida` wa al-Zandaqah*, c. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983, h. 68.

³⁴ *Ibid.*, h. 68-69.

³⁵ Nuh ‘Ali Salman, *al-Mukhtasar*, h. 140.

³⁶ *Ibid.*.

dalam fatwa Pulau Pinang dan Selangor, penambahan lafaz syahadah sebagaimana yang dinyatakan dalam fatwa Perak, penghinaan terhadap sahabat dan pengkafiran mereka termasuk Aisyah (*r.a.*), sebagaimana yang dinyatakan dalam fatwa Perak dan Pulau Pinang dan apa-apa fahaman yang muncul berkait dengan hal ini adalah jelas merujuk kepada mazhab al-Asha'irah.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa fatwa-fatwa tentang Syiah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama di Malaysia adalah berdasarkan rujukan dan panduan mazhab al-Asha'irah, sebagaimana yang dapat dikesan dalam karya tokoh-tokoh besar al-Asha'irah, khususnya al-Ash'ari dan al-Ghazali. Kehidupan beragama di Malaysia sejak sekian lama berdasarkan ikutan umat Islam terhadap mazhab al-Asha'irah ternyata berjaya mewujudkan keadaan aman damai dan perpaduan di kalangan umat Islam kerana pendekatan *wasatiyyah* yang terkandung dalam aliran mazhab arus perdana tersebut. Lantaran itu, wajar sekali rujukan dibuat terhadap mazhab ini bagi mengekang kemasukan pengaruh aliran mazhab yang bertentangan dengan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di Malaysia menerusi pewartaan fatwa-fatwa mengenai Syiah.

RUJUKAN

- al-Ash'ari, Abu al-Hasan, *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*, tahqiq Muhammad Mahyu al-Din 'Abd al-Hamid, j.1, Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, 1950.
_____, *al-Luma` fi al-Radd `ala Ahl al-Ziyagh wa al-Bida'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000.
- Al-Amidi, 'Ali b. Abi 'Ali b. Muhammad, *Ghayat al-Maram fi 'Ilm al-Kalam*, Suntingan Hasan Mahmud 'Abd al-Latif, Kaherah: al-Majlis al-A'ala li al-Syu'un al-Islamiyyah, 1971.
- al-Baqillani, Abu Bakr Muhammad b. al-Tayyib, *Tamhid al-Awa'il wa Talkhis al-Dala'il*, c. 1, Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiyyah, 1987.
- al-Ghazali, *al-Qistas al-Mustaqim*, tahqiq Mahmud Biju, Damsyik: al-Matba'ah al-'Ilmiyyah, 1993.
_____, *Fada'ihih al-Batinyyah*, Kaherah: Dar al-Faruq li al-Istithmarat al-Thaqafiyyah, 2008.
- _____, *al-Iqtisad fi al-Itiqad*, tahqiq Dr Insaf Ramadan, Damsyik & Beirut: Dar Qutaybah, 2003.
- al-Haytami, *al-Sawa'iq al-Muhriqah fi al-Radd `ala Ahl al-Bida` wa al-Zandaqah*, c. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman b. Muhammad b. Khaldun, *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Beirut: Dar al-Jayl, t.t.
- E-Fatwa, Portal Rasmi Fatwa di Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/syiah-di-malaysia>, diakses 13hb April, 2015.
- Muhammad Abu Zuhrah, *Tarikh al-Jadal*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1980
- Mahmud Salim 'Ubaydat, *Tarikh al-Firaq wa 'Aqa'iduha*, t.t.p: Dar al-Furqan, 1998.

- Nuh 'Ali Salman, Dr. *Al-Mukhtasar al-Mufid fi Jawharah al-Tawhid*, Kuala Lumpur:
Al Bayan Corporation Sdn Bhd, 2004.
- al-Razi, Muhammad b. 'Umar b. al-Husayn, *al-Arba`in fi Usul al-Din*, j.2, Kaherah:
Maktabah al-Kulliyyat al-Azhariyyah, 1986.
- al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman b. Abu Bakr, *Tarikh al-Khulafa'*, Suntingan
Muhamad Muhy al-Din 'Abd al-Hamid, t.t.p: t.p., t.t.